Terms and Conditions
AmOnline: eMudarabah Term Investment Account-i (eMTIA-i) Promotion
Promotion Period: 23 November 2026 – 31 December 2026

REMINDER: Eligible Customers (as defined below) are reminded to read and understand the terms and conditions below and/or any updated terms and conditions which are available at www.ambank.com.my/TnC ("Terms and Conditions"). If the Eligible Customers do not understand any of the terms and conditions herein and/or any of the updated terms and conditions, the Eligible Customers are advised to discuss with the Bank's staff or authorised representatives.

1 Definition

1.1 For the purpose of this Terms and Conditions, the following words and expressions shall have the meanings assigned to them except where the context otherwise requires:

"AmBank Group" refers to all the Related Corporations and Associate Corporations of the Bank whether incorporated within or outside of Malaysia, existing now or in the future and reference to "AmBank Group" in this Terms and Conditions, shall include all or any entity within AmBank Group.

"AmOnline" refers to the Bank's internet banking facility at ambank.amonline.com.my.

"Bank" refers to AmBank Islamic Berhad (**'AmBank Islamic'**) [Registration Company No.: 199401009897 (295576-U)], companies incorporated in Malaysia under the Companies Act 1965 (repealed by the Companies Act 2016) and having their registered address at Level 22, Bangunan AmBank Group, No. 55, Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur.

''Eligible Customer'' refers to individual customer of the Bank under Retail Banking who performs eMTIA-i placement via AmOnline.

"eMTIA-i" refers to eMudarabah Term Investment Account-i (eMTIA-i), the product offered under this promotion via AmOnline.

"FPX" refers to secure online payment gateway system managed by PayNet, which allows Customers who maintain an Internet banking account with any of the financial institutions participating in FPX (**"Participating FI"**) to make real time online payments, by using the Customers' existing current or savings account, between different Participating FI subject to relevant terms and conditions.

"Fresh Funds" are defined as:

(a) Funds or monies not transferred from any of the Bank's existing AmBank/AmBank Islamic Fixed Deposit/Term Deposit-i or Current Account & Savings Account/Current Account-i & Savings Account-i (CASA/CASA-i); and

(b) For the purpose of this Promotion, the monies or funds may be transferred from other banks via Financial Process Exchanges **("FPX")**.

"Existing Funds" refers to funds or monies transferred from the Bank's existing AmBank Current Account & Savings Account/AmBank Islamic Current Account-i & Savings Account-i (**"AmBank CASA/CASA-i"**).

"Nominated CASA/CASA-i" refers to a Current Account or Savings Account/Current Account-i or Savings Account-i (CASA/CASA-i) required to be nominated by the Eligible Customer, maintained with the Bank under individual name of the Eligible Customer(s) for the purpose of crediting the profit earned under this promotion.

"Promotion" refers to **"AmOnline eMudarabah Term Investment Account-i (eMTIA-i) Promotion"** organised by the Bank in accordance with this Terms and Conditions.

"Promotional Indicative Rate" refers to the eMTIA-i indicative rate prescribed for the eMTIA-i placement for the purpose of this Promotion as provided in Clause 4.1 herein.

"**Profit Sharing Ratio (PSR)**" refers to the agreed proportion of the profit that shall be allocated to the Eligible Customer(s) and the Bank at prescribed intervals of the investment period.

Terms and Conditions
AmOnline: eMudarabah Term Investment Account-i (eMTIA-i) Promotion
Promotion Period: 23 November 2026 – 31 December 2026

"Retail Banking" refers to consumer banking that caters for individual customers.

Words denoting person shall include living persons and, if and where applicable, body or persons incorporated or unincorporated. Words importing the singular shall also include the plural and vice-versa. Words importing the masculine gender shall include the feminine and neuter gender. The term "Associate Corporations" shall have the same meaning assigned to it under Section 2(1) of the Financial Services Act 2013 or the Islamic Financial Services Act 2013, where applicable. The term "Related Corporations" shall have the same meaning assigned to it under Section 6 of the Companies Act 2016.

2 Promotion Period

2.1 The Promotion shall commence on **23 November 2026 and shall end on 31 December 2026** (both dates inclusive) (**"Promotion Period"**). The Bank reserves the right to vary or amend the duration of the Promotion Period and Promotion Mechanics (illustrated below) with Prior Notice. Such variations shall be effective from the date specified in the notification to the customers. Any such variation made shall not be applicable to the existing eMTIA-i placement made prior to the new effective date of such variation. The Promotion rates will be subject to revision should there be any change to the Overnight Policy Rate (OPR).

3 Eligibility

3.1 The Promotion is open to all **new and existing** individual customers of AmBank Islamic who have registered for AmOnline with the Bank prior to or during the Promotion Period.

3.2 The Promotion is applicable to **Mudarabah Term Investment Account-i (MTIA-i) Product ONLY** (herein refer to "**Eligible Product**"). This product is not protected by Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM).

3.3 Employees of AmBank Group and their immediate family members (spouses, children, sibling and parents) are also eligible to participate in this Promotion. Staff rates shall not be applicable under this Promotion.

3.4 The eMTIA-i shall NOT be used as collateral for pledging purposes.

4 Promotion Mechanics

4.1 This Promotion is available **for Fresh Funds placement via FPX and/or Existing Funds placement made through AmOnline app via fund transfer from AmBank/AmBank Islamic Savings Account/Savings Account-i or Current Account/Current Account-i during the Promotion Period**. The Promotion's details are as per table 1 below:

Table 1: Tenure, Placement Amount & Promotional Indicative Rate

Channel	Tenure	Promotional Indicative Rate	Profit Sharing Ratio (PSR) Customer : Bank	Placement Amount
Placement via AmOnline App (via FPX / transfer from AmBank/AmBank Islamic CASA/CASA-i)	Six (6) months	4.05% p.a.[1]	81 : 19	Minimum: RM500

Note[1]: The Promotional Indicative Rate may be revised at the discretion of the Bank.

Example:
If a customer places a eMTIA-i with a placement amount RM5,000 effective from 1 December 2026 for six (6) months, upon maturity on 1 June 2027, the total indicative profit that the customer will receive is RM100.97.

Indicative Profit Calculation:
From 1 October 2026 to 1 April 2027
RM5,000 x 4.05% p.a. / 365 days x 182 days = RM100.97
(Numbers are for illustration purposes only)

4.2 Eligible Customers shall use the AmOnline FPX service for the purposes of inward transfer solely to bring in Fresh Funds from his/her own bank account with a third-party bank.

4.3 The Promotional Indicative Rate as stated above is applicable for one (1) cycle only i.e. six (6) from the date of placement. Upon maturity, the principal amount shall be automatically renewed at the prevailing indicative board rate applicable at the time of renewal for the same tenure.

4.4 In the event the Bank determines that funds were transferred from a third party's account, the Bank has the right to disqualify the Eligible Customer from participating in this Promotion.

4.5 The profit earned will be credited to the Nominated CASA/CASA-i as selected by the Eligible Customer upon maturity of the eMTIA-i.

4.6 The maximum deposit amount per transaction via FPX transfer is Ringgit Malaysia Two Hundred Thousand (RM200,000) or is subject to such prescribed maximum amount/limit of transfer in the Eligible Customer's individual internet banking maintained with the relevant bank, whichever is lower.

4.7 For early withdrawals of any placement amount by Eligible Customer(s) within seven (7) calendar days from the date of placement, the Eligible Customer(s) shall be deemed to have agreed to waive the right to receive all of the attributed profit (if any). For any early withdrawal amount made after seven (7) calendar days from the date of placement and before the maturity date, the Eligible Customer(s) shall receive 50% of the attributed profit (if any).

4.8 Same-day withdrawal of eMTIA-i placement via FPX from a third-party bank is not allowed and withdrawal of eMTIA-i is subject to a processing period of three (3) working days.

4.9 Processing of eMTIA-i placements with FPX will be immediate upon the successful completion of the debiting & crediting of funds. The Bank shall not be responsible for delayed funds or unsuccessful transaction (if any) and the funds of the unsuccessful transactions will be returned to the originating account with the respective bank within three (3) working days. The effective date of the eMTIA-i placement shall commence after the successful completion of the process.

4.10 In the event the Eligible Customer(s) would like to withdraw the eMTIA-i before maturity of the eMTIA-i Tenure, a complete upliftment/withdrawal of the balance in the eMTIA-i account must be performed. Partial withdrawal of the eMTIA-i before maturity is not allowed.

5 General

5.1 By participating in this Promotion, the Eligible Customer(s) hereby consents and agrees to be bound by this Terms and Conditions herein and to be read together with the:

(a) General Terms and Conditions for Accounts and Services, and
(b) Specific Terms and Conditions for Mudarabah Term Investment Account-i.

The Eligible Customer(s) is required to log on to the Bank's official website at http://www.ambank.com.my/TnC for the latest terms and conditions and/or Promotion update, if any.

5.2 This Promotion's offer is not valid with any other promotions or campaigns of the Bank and no other special, additional or preferential rates shall be given under this Promotion.

5.3 The Bank shall have the right to cancel, terminate or suspend the Promotion with immediate effect upon notice.

5.4 Any notice to be given by the Bank shall be posted in the Bank's official website at www.ambank.com.my or its branches, and any such notice shall be deemed given when so posted at its official website or its branches, whichever is earlier.

5.5 The Bank may cancel the participation of or disqualify any Eligible Customers from participating in this Promotion if it finds or determines that:

(a) The said Eligible Customers have provided untrue information or acted fraudulently or wrongfully in any manner during the entry process or throughout the Promotion Period; or
(b) The Eligible Customers have breached or potentially will breach the terms and conditions herein and/or the terms and conditions referred to in Clause 5.1(a) and (b) herein.

5.6 Unless expressly stated otherwise, this Terms and Conditions herein set forth, including any amendments thereto, will prevail over any other provisions and/or representations contained in any other notices/promotion/advertising materials for this Promotion.

5.7 The Bank's decision on all matters relating to the eligibility of the Promotion is final and binding on all participating Eligible Customer(s).

5.8 The Bank shall not be liable for any loss or damages suffered such as loss of income or profit, or any indirect, incidental, consequential, exemplary, punitive or special damages of any party including third parties, arising out of or in connection with the Promotion, save and except where such loss or damages were directly caused by the Bank's gross negligence, wilful default or fraud.

5.9 To the extent permitted by law, the Bank shall not be liable to the Eligible Customer(s) when any Force Majeure event occurs. "Force Majeure" means any unforeseen events and/or circumstances not within the reasonable control of the Bank, which the Bank is unable to prevent, avoid or remove including natural disasters such as pandemic, flood, typhoon, hurricane, storm, tempest, volcanic eruption, earthquake, landslide, landslip, subsidence or sinking of the soil or earth or acts of public unrest such as strikes, lock out, industrial disturbances, riots, wars, each of which is beyond the control of neither Party or such other event, condition or circumstances of similar nature as may be classified as Force Majeure by the Bank from time to time.

5.10 The Bahasa Malaysia version of this Terms and Conditions is also available at www.ambank.com.my/MTIA.

5.11 All questions concerning the construction, validity, enforcement and interpretation of this Terms and Conditions stipulated herein shall be governed by, construed and enforced in accordance with the laws of Malaysia. The parties agree to submit to the jurisdiction of the courts in Malaysia with regard to any suit, action or other proceedings arising out of or based on this Terms and Conditions herein.

5.12 For any assistance and/or feedback related to this Promotion, the Eligible Customer may contact the Bank's Contact Centre from 9.00 a.m. to 9.00 p.m., Monday to Sunday by calling 03-2178 8888 or e-mail to customercare@ambankgroup.com

Terma dan Syarat
AmOnline: Promosi Akaun Pelaburan Bertempoh-i eMudarabah (eMTIA-i)
Tempoh Promosi: 23 November 2026 – 31 Disember 2026

PERINGATAN: Pelanggan yang Layak menyertai Promosi ini diingatkan untuk membaca dan memahami terma-terma dan syarat-syarat di bawah dan/atau terma-terma dan syarat-syarat terkini yang boleh didapati melalui www.ambank.com.my/TnC ("Terma dan Syarat"). Jika Pelanggan yang Layak tidak faham sebarang terma dan syarat di sini, Pelanggan yang Layak dinasihati untuk berbincang dengan pekerja, wakil sah atau agen Bank.

1 Definisi

1.1 Untuk tujuan Terma dan Syarat ini, perkataan dan ungkapan berikut hendaklah mempunyai makna yang ditentukan baginya melainkan sekiranya konteks memerlukan sebaliknya:

"Kumpulan AmBank" merujuk kepada semua Syarikat dan Syarikat Bersekutu yang berkaitan dengan Bank sama ada diperbadankan di dalam atau di luar Malaysia, sudah wujud pada masa ini atau pada masa akan datang dan rujukan terhadap **"Kumpulan AmBank"** dalam terma dan syarat ini akan merangkumi semua atau mana-mana entiti dalam Kumpulan AmBank.

"AmOnline" merujuk kepada kemudahan perbankan Internet oleh Bank di ambank.amonline.com.my.

"Bank" merujuk kepada AmBank Islamic Berhad (**'AmBank Islamic'**) [No. Pendaftaran Syarikat: 199401009897 (295576-U)], syarikat yang diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965 (dimansuhkan oleh Akta Syarikat 2016) dan mempunyai alamat berdaftar di Tingkat 22, Bangunan AmBank Group, No. 55 Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur.

''Pelanggan Yang Layak'' merujuk kepada pelanggan individu Bank daripada Perbankan Runcit yang membuat penempatan eMTIA-i melalui Perbankan Internet AmOnline menerusi ambank.amonline.com.my (**''AmOnline''**)

"eMTIA-i" merujuk kepada Akaun Pelaburan Bertempoh-i eMudarabah (eMTIA-i), produk yang ditawarkan di bawah promosi ini di mana penempatan dibuat melalui AmOnline.

"FPX" merujuk kepada sistem gerbang pembayaran dalam talian yang selamat yang dikelola oleh PayNet, yang memungkinkan Pelanggan yang mempunyai akaun perbankan Internet dengan mana-mana institusi kewangan yang mengambil bahagian dalam FPX **("FI yang mengambil bahagian")** untuk melakukan pembayaran dalam talian masa nyata, dengan menggunakan akaun semasa atau simpanan sedia ada Pelanggan, antara institusi kewangan yang mengambil bahagian yang berbeza, tertakluk kepada terma dan syarat yang berkaitan,

"Dana Baharu" bermaksud:

(a) Wang atau dana yang tidak dipindahkan dari mana-mana Akaun Deposit Tetap/Akaun Deposit Bertempoh-i atau Akaun Semasa & Akaun Simpanan/Akaun Semasa-i & Akaun Simpanan-i (CASA/CASA-i) AmBank/AmBank Islamic yang sedia ada; dan

(b) Untuk tujuan Promosi ini, dana atau wang boleh dipindah dari bank lain melalui Pertukaran Proses Kewangan (**"FPX"**).

"Dana yang Sedia Ada" bermaksud wang atau dana yang dipindahkan daripada Akaun Semasa & Akaun Simpanan AmBank/Akaun Semasa-i & Akaun Simpanan-i AmBank Islamic yang sedia ada ("**CASA/CASA-i AmBank"**).

"CASA/CASA-i Yang Dipilih" merujuk kepada Akaun Simpanan atau Akaun Semasa/Akaun Simpanan-i atau Akaun Semasa-i (CASA/CASA-i) yang dikehendaki untuk dinamakan oleh Pelanggan Yang Layak, yang diselenggarakan dengan Bank di bawah nama individu Pelanggan yang Layak bagi tujuan mengkreditkan keuntungan yang diperolehi di bawah Promosi ini.

"Promosi" merujuk kepada tawaran **"AmOnline Promosi Akaun Pelaburan Bertempoh-i eMudarabah (eMTIA-i)"** yang dianjurkan oleh Bank menurut terma dan syarat yang ditetapkan di sini.

"Kadar Indikatif Promosi" merujuk kepada kadar indikatif eMTIA-i yang ditetapkan untuk penempatan MTIA-i untuk tujuan Promosi ini yang diperuntukkan dalan Klausa 4.1.

"**Nisbah Perkongsian Keuntungan (PSR)**" merujuk kepada nisbah keuntungan yang akan disalurkan kepada Pelanggan yang Layak dan Bank untuk tujuan pembahagian keuntungan mengikut selang waktu yang telah ditentukan sepanjang tempoh pelaburan.

"Perbankan Runcit" merujuk kepada perbankan konsumer untuk pelanggan individu.

Perkataan yang menggambarkan individu adalah merangkumi mereka yang masih hidup, dan sekiranya dan di mana berkenaan, pertubuhan atau mereka yang diperbadankan atau tidak diperbadankan. Perkataan yang membawa maksud tunggal juga akan merangkumi maksud jamak dan sebaliknya. Perkataan yang membawa maksud jantina lelaki akan merangkumi jantina perempuan dan jantina neuter.

Istilah **"Perbadanan Bersekutu"** mempunyai maksud yang sama seperti yang diperuntukkan terhadapnya di bawah Seksyen 2(1) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 atau Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, yang mana berkenaan. Istilah **"Syarikat Yang Berkaitan"** pula mempunyai maksud yang sama seperti yang diperuntukkan terhadapnya di bawah Seksyen 6 Akta Syarikat 2016.

2 Tempoh Promosi

2.1 Promosi akan bermula pada **23 November 2026 dan berakhir pada 31 Disember 2026, termasuk kedua-dua tarikh**, (**"Tempoh Promosi"**). Pihak Bank mempunyai hak untuk mengubah atau meminda Tempoh Promosi dan Mekanisma Promosi dengan notis awal kepada pelanggan. Perubahan sedemikian hendaklah berkuat kuasa dari tarikh yang dinyatakan dalam pemberitahuan. Sebarang perubahan sedemikian yang dibuat tidak boleh digunakan untuk penempatan sedia ada MTIA-i yang dibuat sebelum tarikh kuat kuasa perubahan tersebut. Promosi ini adalah tertakluk pada semakan sekiranya terdapat perubahan pada Kadar Dasar Semalaman (KDS).

3 Kelayakan

3.1 Promosi ini terbuka untuk semua pelanggan individu AmBank Islamic yang **baharu dan sedia ada** yang telah mendaftar untuk AmOnline dengan Bank sebelum atau semasa Tempoh Promosi.

3.2 Promosi ini terbuka untuk **Akaun Pelaburan Bertempoh-i Mudarabah (MTIA-i) SAHAJA**. (sini merujuk kepada "**Produk yang Layak**"). Produk ini tidak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM).

3.3 Kakitangan Kumpulan AmBank dan ahli keluarga terdekat mereka (suami/isteri, anak, adik beradik dan ibu bapa) juga layak untuk menyertai Promosi ini. Kadar kakitangan tidak boleh diguna pakai di dalam Promosi ini.

3.4 eMTIA-i tersebut **TIDAK** boleh digunakan bagi tujuan cagaran.

4 Mekanisma Promosi

4.1 Promosi ini hanya tersedia untuk penempatan Dana yang Sedia Ada yang dibuat menerusi aplikasi AmOnline melalui pemindahan dana daripada CASA/CASA-i AmBank/AmBank Islamic dan/atau penempatan Dana Baharu melalui FPX semasa Tempoh Promosi. Mekanisma promosi adalah seperti yang dinyatakan di dalam Jadual 1 di bawah:

Jadual 1: Tempoh, Jumlah Penempatan dan Kadar Indikatif Promosi

Saluran	Tempoh	Kadar Indikatif Promosi	Nisbah Perkongsian Keuntungan Pelanggan : Bank	Jumlah Penempatan
Penempatan melalui Aplikasi AmOnline melalui FPX/ pemindahan dari CASA/CASA-i AmBank/AmBank Islamic	Enam (6) bulan	**4.05% setahun**[1]	81 : 19	Minima: RM500

Nota[1]: Kadar Indikatif Promosi mungkin disemak semula mengikut budi bicara Bank.

Contoh:
Jika jumlah penempatan pelanggan iaitu RM5,000 dalam MTIA-i bermula dari 1 Disember 2026 untuk tempoh 6 bulan, apabila matang pada 1 Jun 2027, jumlah indikatif keuntungan yang akan diterima oleh pelanggan ialah RM100.97.

Pengiraan Indikatif Keuntungan:
Dari 1 Disember 2026 sehingga 1 Jun 2027
RM5,000 x 4.05% setahun / 365 x 182 hari = RM100.97
(Nombor adalah untuk tujuan ilustrasi Sahaja)

4.2 Kadar Pelanggan yang Layak hendaklah menggunakan perkhidmatan AmOnline FPX atas tujuan pemindahan masuk sahaja hanya untuk membawa masuk Dana Baharu dari akaun banknya sendiri dengan bank pihak ketiga.

4.3 Kadar Indikatif Promosi yang dinyatakan di atas boleh diguna pakai untuk satu (1) kitaran sahaja iaitu enam (6) bulan dari tarikh penempatan. Apabila matang, wang prinsipal tersebut akan diperbaharui pada kadar indikatif niaga semasa untuk tempoh yang sama secara automatik.

4.4 Sekiranya Bank menentukan bahawa dana telah dipindahkan dari akaun pihak ketiga, Bank berhak untuk membatalkan Pelanggan yang Layak untuk menyertai dalam Promosi ini.

4.5 Keuntungan yang diperoleh akan dikreditkan ke CASA/CASA-i Yang Dipilih oleh Pelanggan Yang Layak apabila eMTIA-i telah matang.

4.6 Jumlah deposit maksimum setiap transaksi melalui pemindahan FPX adalah Ringgit Malaysia Dua Ratus Ribu (RM200,000) atau tertakluk kepada jumlah maksimum/had pindahan yang ditentukan dalam perbankan internet individu Pelanggan yang dikendalikan dengan bank yang berkenaan, mana yang lebih rendah.

4.7 Untuk sebarang jumlah pengeluaran awal oleh Pelanggan yang Layak tujuh (7) kalendar hari dari hari penempatan, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk tidak menerima sebarang keuntungan (jika ada). Untuk sebarang jumlah pengeluaran awal selepas tujuh (7) kalendar hari dari tarikh penempatan dan sebelum tarikh matang, Pelanggan yang Layak akan menerima 50% daripada keuntungan (jika ada).

4.8 Pengeluaran penempatan eMTIA-i pada hari yang sama melalui FPX dari bank pihak ketiga tidak dibenarkan, pengeluaran eMTIA-i tertakluk kepada tempoh pemprosesan tiga (3) hari bekerja.

4.9 Proses Proses penempatan eMTIA-i melalui FPX adalah serta-merta apabila pendebitan dan pengkreditan dana berjaya. Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap dana yang tertunda atau transaksi yang tidak berjaya (jika ada) dan dana transaksi yang tidak berjaya tersebut akan dikembalikan ke akaun asal dengan bank yang berkenaan dalam tempoh tiga (3) hari bekerja. Tarikh berkuat kuasa penempatan eMTIA-i akan dimulakan selepas proses transaksi berjaya dilakukan.

4.10 Sekiranya Pelanggan yang Layak ingin mengeluarkan dana daripada eMTIA-i sebelum tempoh matang eMTIA-i, pengeluaran penuh baki dalam akaun eMTIA-i tersebut mesti dilakukan. Pengeluaran sebahagian daripada eMTIA-i sebelum tempoh matang tidak dibenarkan.

5 Umum

5.1 Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan yang Layak memberi kebenaran dan bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat di dalam ini, untuk dibaca bersama dengan:

(a) Terma dan Syarat Umum Bagi Akaun dan Perkhidmatan, dan
(b) Terma dan Syarat Khusus Bagi Akaun Pelaburan Bertempoh-i Mudarabah (MTIA-i).

Pelanggan yang Layak dikehendaki untuk log masuk ke laman web rasmi Bank melalui https://www.ambank.com.my/TnC untuk terma dan syarat dan/atau Promosi terkini, jika ada.

Terma dan Syarat
AmOnline: Promosi Akaun Pelaburan Bertempoh-i eMudarabah (eMTIA-i)
Tempoh Promosi: 23 November 2026 – 31 Disember 2026

5.2 Tawaran Promosi adalah tidak sah dengan mana-mana promosi atau kempen lain yang ditawarkan oleh Bank dan tiada kadar istimewa, tambahan atau keutamaan lain akan diberikan di bawah Promosi ini.

5.3 Bank mempunyai hak, untuk membatalkan, menamatkan atau menggantung Promosi ini dengan serta-merta menerusi notis.

5.4 Sebarang notis yang akan diberikan oleh Bank akan dipaparkan di laman web rasmi Bank di www.ambank.com.my atau di cawangan-cawangannya, dan sebarang notis yang sedemikian akan dianggap telah diberikan apabila ia dipaparkan di laman web rasminya atau cawangan-cawangannya, yang mana terlebih dahulu.

5.5 Bank mempunyai hak untuk membatalkan penyertaan atau kelayakan mana-mana Pelanggan yang Layak daripada mengambil bahagian dalam Promosi sekiranya ia mendapati atau memutuskan bahawa:

(a) Pelanggan yang Layak tersebut telah memberikan maklumat yang tidak benar atau melakukan penipuan atau kesalahan dalam apa-apa cara semasa proses penyertaan atau di sepanjang Tempoh Promosi, atau
(b) Pelanggan yang Layak telah melanggar atau berpotensi melanggar terma dan syarat di dalam ini dan/atau terma dan syarat yang disebut dalam Klausa 5.1(a) dan (b) .

5.6 Melainkan dinyatakan sebaliknya, terma dan syarat yang terkandung di dalam ini, termasuk apa-apa pindaan ke atasnya, akan mengatasi mana-mana peruntukan dan/atau perwakilan lain yang terkandung dalam mana-mana notis/promosi/bahan pengiklanan lain untuk Promosi ini.

5.7 Keputusan Bank dalam semua perkara berkaitan dengan kelayakan Promosi ini adalah muktamad dan mengikat semua Pelanggan yang Layak yang mengambil bahagian.

5.8 Bank tidak akan bertanggungjawab untuk apa-apa kerugian atau kerosakan yang dialami seperti kehilangan pendapatan atau keuntungan, atau secara tidak langsung, insiden, berbangkit, teladan, ganti rugi atau ganti rugi khas mana-mana pihak termasuk pihak ketiga, yang timbul daripada atau berkaitan dengan Promosi, melainkan dan kecuali jika kehilangan atau kerosakan sedemikian secara langsung disebabkan oleh kecuaian keterlaluan, keingkaran secara sengaja atau penipuan di pihak Bank.

5.9 Setakat yang diizinkan oleh undang-undang, Bank tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan yang Layak apabila berlaku peristiwa "Force Majeure" merujuk kepada kejadian dan/atau keadaan yang tidak terduga yang tidak berada dalam kawalan Bank yang wajar, yang tidak dapat dicegah, dihindari atau dihapuskan oleh Bank termasuklah bencana alam seperti banjir, taufan, ribut, badai, letusan gunung berapi, gempa bumi, tanah runtuh, penenggelaman atau penenggelaman tanah atau bumi atau tindakan pergolakan awam seperti mogok, penguncian, gangguan industri, rusuhan, peperangan, yang masing-masing berada di luar kawalan mana-mana pihak atau peristiwa, keadaan lain atau keadaan yang serupa dengan yang mungkin diklasifikasikan sebagai “Force Majeure” oleh Bank dari semasa ke semasa.

5.10 Terma dan syarat ini boleh didapati dalam versi Bahasa Inggeris di laman web rasmi Bank di www.ambank.com.my/eMTIA.

5.11 Semua pertanyaan berkenaan pentafsiran, keesahan, penguatkuasaan dan intepretasi terma dan syarat yang dinyatakan di dalam ini akan ditadbir, ditafsirkan dan dikuatkuasa menurut undang-undang Malaysia. Pelanggan yang Layak dengan ini bersetuju untuk tertakluk kepada bidang kuasa Mahkamah di Malaysia berhubung apa-apa guaman, tindakan atau prosiding lain yang timbul daripada atau berdasarkan terma dan syarat di dalam ini.

5.12 Untuk sebarang bantuan dan/atau maklum balas yang berkaitan dengan Promosi ini, Pelanggan yang Layak boleh menghubungi Pusat Panggilan Bank dari 9.00 pagi hingga 9.00 malam, Isnin hingga Ahad di talian 03-2178 8888 atau emel kepada customercare@ambankgroup.com.